

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK JEFFREY GAPARI KITINGAN

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pemegang IMM13 di Sabah yang diberi kepada pelarian peperangan warga asing diberi MYPR dengan kod 12.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dokumen IMM13 adalah dokumen di bawah kategori Pas Lawatan Sosial dan ia pernah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada pelarian Filipina yang melarikan diri ke negeri Sabah berikutan kekacauan di wilayah selatan negara tersebut pada awal 1970-an. Pemegang dokumen IMM13 dibenarkan tinggal dan bekerja di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tanpa perlu memohon permit pekerjaan.

Berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) kepada pemegang dokumen IMM13 seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa selaras dengan Peraturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, MyPR dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada individu pemegang Permit Masuk yang dikeluarkan oleh JIM dan mempunyai pasport sah dari negara asal.

Dalam hal ini, kod 12 pada MyPR adalah merujuk kepada maklumat kelahiran individu di negeri Sabah dan ia dijana secara automatik melalui sistem pegkomputeran JPN. Kod tersebut hanya menunjukkan negeri kelahiran dan tidak membawa maksud bahawa mereka berasal dari negeri tersebut serta taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Selain kod 12, maklumat kelahiran di negeri Sabah juga menggunakan kod 47, 48 dan 49.